

17 AUG 1999

Ting-Tempatan

PENGGUNAAN BARANG TEMPATAN DALAM SEKTOR PERUMAHAN PADA TAHAP MAKSIMUM

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Penggunaan barangan tempatan di sektor pembinaan dalam negara kini melebihi tahap 87 peratus dan hampir 100 peratus dalam pembinaan rumah kos rendah dan sederhana.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini berkata kementerian itu sejak 1996 menetapkan industri pembinaan negara menggunakan sekurang-kurangnya 60 peratus produk tempatan.

Ting memuji langkah pihak berkuasa tempatan yang mewajibkan pihak arkitek menunjukkan di dalam pelan bangunan jenis barangan yang digunakan.

"Syarat itu penting kerana penggunaan barangan tempatan yang kurang daripada 60 peratus tidak akan diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan," katanya pada sidang media selepas melawat Ekspo Cintai Malaysia '99 di sini.

Antara barangan tempatan yang digunakan dalam sektor pembinaan ialah peralatan perhiasan, lantai, seramik, batu bata dan simen, kata Ting.

Ting berkata sektor pembinaan kini masih tidak dapat mengelak daripada menggunakan barangan import seperti peralatan kejuruteraan dan elektrik tetapi ia bersifat sementara sahaja kerana semua barangan pembinaan akan menggunakan barang buatan tempatan kelak.

Penggunaan barangan tempatan bukan saja menyelamatkan pengaliran tukaran wang asing malah boleh membantu pembangunan industri tempatan dan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, katanya.

Menyentuh mengenai konsep perumahan "siap dulu baru jual", Ting berkata hanya perbadanan ekonomi negeri-negeri sahaja melaksanakannya pada masa ini.

Menurutnya penjualan rumah cara biasa masih digunakan kerana keperluan perumahan sangat tinggi.

Ekspo Cintai Malaysia yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ahad lepas diiktiraf oleh Malaysia Book of Records sebagai pameran pengguna dan perdagangan terbesar di negara ini.

Ekspo dari 13 hingga 22 Ogos di Mines, Seri Kembangan dianjurkan Dewan Perniagaan dan Industri China Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI) dengan kerjasama MINES.

-- BERNAMA

MEO LAT